

11 MAY 2001

Anthony-Lawatan (Dengan gambar)

PERDANA MENTERI ST LUCIA TIBA UNTUK LAWATAN DUA HARI

LANGKAWI, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri St Lucia, Dr Kenny Davis Anthony tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat di sini untuk lawatan dua hari ke pulau peranginan itu.

Ketibaan beliau dan isterinya, Rose Marie, disambut oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri Ahmad Bashah Md Hanipah dan pengurus besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) Datuk Zainal Karib Abdul Rahim.

Beliau diberikan sambutan permaidani merah dengan diiringi muzik tradisional dan bunga manggar oleh kumpulan tradisional tempatan.

Dr Anthony tiba di Malaysia Rabu lalu untuk lawatan lima hari atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau akan diberi taklimat mengenai pembangunan Langkawi sebagai sebuah destinasi pelancongan antarabangsa di kompleks Lada pada petang ini.

Beliau juga dijadual melawat Dataran Lang, Laman Lagenda Langkawi dan Galeria Perdana, sebuah muzium yang menempatkan koleksi cenderahati yang diterima Dr Mahathir.

Esok, beliau dijadual melawat pusat kraftangan di Teluk Yu sebelum berlepas ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

NH AKD